KERAJAAN MALAYSIA
KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR
KENYATAAN SEBUT HARGA

Sebut harga adalah dipelawa kepada kontraktor – kontraktor yang beroperasi dan beralamat di kawasan **Lembah Klang (Wilayah Persekutuan Putrajaya, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor)** sahaja yang berdaftar dengan CIDB dan mempunyai Perakuan Kontraktor (PPK), Sijil Taraf Bumiputera (STB) serta Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dalam **Gred G3** Kategori **B** Pengkhususan **B07** (Hiasan Dalaman) dan **B28** (Kerja-kerja Ubahsuai) (Kebenaran Khas Tidak Dibenarkan) yang berkaitan untuk melaksanakan kerja-kerja berikut:-

| Bil. | Butir-butir Sebut Harga | Kelayakan | Butir-butir taklimat tapak | Butir-butir pengambilan dokumen | Tarikh dan waktu tawaran ditutup |
|---|---|---|---|---|---|
| **1.** | **KERJA-KERJA MENAIKTARAF RUMAH KELAB DAN KERJA BERKAITAN DI MENARA PETRA, PUTRAJAYA** | Berdaftar dengan: -<br>i. CIDB:<br>- Gred **G3**<br>- Kategori: **B07 (Hiasan Dalaman) dan B28 (Kerja-kerja Ubahsuai)**<br>ii. PKK:<br>- **Sijil Taraf Bumiputera**<br><br>**(KEBENARAN KHAS CIDB TIDAK DIBENARKAN)** | Tarikh: **31 Mac 2026 (Selasa)**<br><br>Masa Pendaftaran: **2.30 petang – 3.00 petang**<br><br>Taklimat: **3.00 petang**<br><br>Tempat: **Bilik Mesyuarat Mutiara, Aras 13 Menara PETRA**<br><br>(Kehadiran adalah diwajibkan) | Pembelian dokumen secara atas talian<br><br>Tarikh Mula jual: **31 Mac 2026**<br><br>Tarikh akhir jual: **7 April 2026**<br><br>Harga Dokumen: **RM50.00** | Taikh Tutup: **14 April 2026 (Selasa)**<br><br>Masa: **12.00 tengahari**<br><br>Tempat: **Lobi Aras G, Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air, Menara PETRA, No. 25 Persiaran Perdana, Presint 4, 62574 PUTRAJAYA.** |

1. Dokumen sebut harga hanya akan dikeluarkan kepada kontraktor yang menghadiri taklimat/ lawatan tapak dan yang sah sahaja. Untuk maksud ini, kontraktor hendaklah membawa Kad Pengenalan, Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK), Sijil Taraf Bumiputera (STB) yang **ASAL**.
2. Sila kemukakan PPK, SPKK dan STB yang baru atau surat/ resit pembaharuan jika sijil sedia ada akan tamat tempoh kurang dari dua (2) bulan semasa lawatan tapak dan pengambilan dokumen.
3. Kehadiran taklimat adalah DIWAJIBKAN. Hanya PENAMA di dalam Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan Sijil Taraf Bumiputera (STB) sahaja boleh menghadiri taklimat/ lawatan tapak dan **TIDAK BOLEH** mewakilkan pegawai selain daripada PENAMA yang dibenarkan di dalam sijil.

4. Dokumen akan dihantar melalui emel yang didaftarkan pada hari taklimat selepas semakan kehadiran pada waktu taklimat tapak dan pembayaran harga dokumen telah dilakukan.
5. Dokumen tidak akan dikeluarkan selepas tamat tempoh akhir jual dokumen sebut harga.
6. Dokumen yang telah disempurnakan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri ke dalam Peti Tawaran di :-

Lobi Aras G
Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air
Menara PETRA
No.25, Persiaran Perdana, Presint 4
62574 Putrajaya, Malaysia

7. Dokumen yang LEWAT diterima selepas tarikh tutup di atas tidak akan dipertimbangkan.